

## UNOFFICIAL- UNEDITED TRANSLATION

Kenyataan oleh Professor Philip Alston, Pelapor Khas Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung kemiskinan tegar dan hak asasi manusia sempena lawatan beliau ke Malaysia pada 13 – 23 Ogos 2019.

Kuala Lumpur, 23 Ogos 2019

### 1. Pengenalan

Malaysia telah mencapai pertumbuhan luar biasa selama bertahun-tahun dan telah mencapai kemajuan yang besar dalam mengurangkan kemiskinan. Malaysia akan mencapai kedudukan sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi tidak lama lagi.<sup>1</sup> Namun pendirian tegas rasmi bahawa kurang daripada 25,000 isi rumah di seluruh negara hidup dalam kemiskinan (satu kadar sebanyak 0.4 peratus) akan menjadi negara itu juara dalam pembanterasan kemiskinan.<sup>2</sup> Pegawai-pegawai Malaysia telah secara konsisten menyatakan bahawa kemiskinan sudah hampir dihapuskan, dengan hanya “kelompok-kelompok” yang masih wujud. Tuntutan itu, bagaimanapun, adalah berasaskan sikap memandang ringan pada statistik yang membawa kesan yang buruk. Penggunaan garis kemiskinan yang amat rendah dan amat tidak realistik telah menyembunyikan realiti yang lebih merunsingkan yang dialami oleh jutaan keluarga yang hidup dengan pendapatan yang amat rendah dan memang terdapat kesusahan yang ketara di kawasan bandar serta luar bandar. Di samping itu, terdapat jutaan bukan warganegara –termasuk pendatang, pelarian, orang tanpa kerakyatan serta rakyat Malaysia yang tidak berdaftar – telah tersingkir secara sistematiknyanya daripada angka kemiskinan rasmi. Penyembunyian ini telah dipermudah serta dimudaratkan lagi dengan keengganan mengumpul atau memberi akses kepada data serta maklumat lain berkaitan dengan kemiskinan. Akibatnya, terdapat kekurangan pelaburan yang signifikan dalam pengurangan kemiskinan, salah faham yang berleluasa tentang siapakah yang miskin, pengabaian golongan miskin dalam rancangan dan program rasmi serta jaringan keselamatan sosial yang tidak mencukupi.

Bagaimanapun, berita baiknya ialah kini terdapat pertumpuan faktor-faktor yang membolehkan Kerajaan Malaysia melancarkan kempen yang serius serta mapan untuk membasmi kemiskinan dengan menerima pakai jaminan perlindungan sosial yang komprehensif untuk semua warganegara serta memberi sokongan yang perlu untuk bukan warganegara. Faktor-faktor ini termasuklah persediaan Rancangan Malaysia Ke-12, penerimaan pakai Kemakmuran Bersama dan Tiada Siapa Yang Tercicir dan Tertinggal sebagai tema utama dasar, pengiktirafan melalui

---

<sup>1</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, “The State of Households 2018,” Oktober 2018, [http://www.krinstitute.org/assets/contenMS/img/template/editor/FullReport\\_KRI\\_SOH\\_2018.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contenMS/img/template/editor/FullReport_KRI_SOH_2018.pdf) ms.152

<sup>2</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, “The Absolute vs Relative Poverty Conundrum, June 2019,” [http://www.krinstitute.org/assets/contenMS/img/template/editor/Views\\_The%20Absolute%VS%20Poverty%20Conundrum.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contenMS/img/template/editor/Views_The%20Absolute%VS%20Poverty%20Conundrum.pdf) p. 5; World Bank, “Poverty headcount ratio at national poverty lines (% of population),”

[http://data.worldbank.org/indicator/SI.POV.NAHC?end=2018&most recent value desc=false&start=2018view=bar](http://data.worldbank.org/indicator/SI.POV.NAHC?end=2018&most%20recent%20value%20desc=false&start=2018view=bar).

pentingnya mengukuhkan kepaduan sosial dan perpaduan negara. Seperti yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Padukan Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah sempena istiadat pertabalan baginda pada bulan lalu, "Kitaran warisan kemiskinan wajar ditangani segera; kerana ia bakal menjejaskan agenda pembentukan negara maju."

Menerima pakai reformasi yang berkesan meluas amat besar manfaatnya bukan sahaja dari segi menjamin kesejahteraan golongan 'B40' (isi rumah yang berpendapatan 40% terendah) tetapi juga berupaya menangani keperluan khusus golongan B15 (15% terendah). Dari aspek ekonomi, pertumbuhan akan digalakkan, ekonomi akan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa kerana ia kurang bergantung kepada eksploitasi buruh yang amat murah dan lebih kepada pasukan pekerja yang lebih sihat dan berpendidikan lebih tinggi, produktiviti akan meningkat dan kerugian cukai dikurangkan. Dari segi sosial, kesejahteraan anggota-anggota kumpulan etnik yang paling kurang berada akan ditingkatkan dengan ketara, ketegangan komuniti dikurangkan dan faktor-faktor yang kondusif terhadap perbalahan akan dihapuskan.

Selama 11 hari di Malaysia, saya telah mengunjungi Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Sabah dan Kelantan serta bertemu dengan pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi antarabangsa, masyarakat sivil, komuniti orang asli, ahli akademik serta mereka yang terjejas oleh kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar. Saya telah melawat sebuah dapur kebajikan yang menyediakan makanan percuma untuk orang miskin, tempat perlindungan wanita, sekolah tidak formal, dan pusat orang kurang upaya. Saya telah berjumpa dengan keluarga yang tinggal di perumahan kos rendah yang sesak di Kuala Lumpur yang berkesusahan untuk membayar sewa dan dengan anak-anak tidak bersekolah, serta bertemu dengan orang kurang upaya di Kota Bharu yang tidak menerima apa-apa bantuan daripada Kerajaan. Saya telah bertemu dengan komuniti orang asal di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia di mana kehidupan serta cara hidup mereka masih berada di bawah pengepungan pihak berkuasa dan pelakon korporat. Saya telah melawat perkampungan pendatang dan orang tanpa kerakyatan yang tiada bekalan air dan elektrik dan mereka menghadapi risiko ditangkap jika cuba mendapat penjagaan perubatan. Saya mendengar daripada komuniti pelarian dan pendatang bahawa mereka tersingkir secara sistematik dari perkhidmatan sosial dan tidak mempunyai hak asasi serta status undang-undang. Mereka yang saya temui telah menyatakan dengan jelas bahawa sebarang penegasan bahawa kemiskinan telah dibasmikan adalah bertentangan dengan hakikat sebenar yang wujud. Saya hendak merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada organisasi yang mengalu-alukan saya, komuniti yang bertemu dengan saya serta keluarga yang membuka kediaman mereka kepada saya.

Dengan penduduk semasa berjumlah 31 juta orang, Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan negara daripada 49 peratus pada tahun 1970 kepada 0.4 peratus pada tahun 2016.<sup>3</sup>

---

<sup>3</sup>

<sup>3</sup> Unit Perancangan Ekonomi Malaysia, "Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020," Mei 2015, ms. 21

Walaupun terdapat masalah mendalam berkaitan dengan penggunaan garis kemiskinan yang sebahagian besarnya tidak berubah ketika ekonomi meningkat secara dramatik, adalah jelas bahawa kemajuan yang amat besar telah sebenarnya dicapai. Malaysia telah mencapai akses kepada kemudahan asas yang hampir sejagat : 95.5 peratus isi rumah mendapat akses kepada bekalan air paip dan 99.9 peratus mendapat akses kepada bekalan elektrik pada tahun 2016. <sup>4</sup> Pendapatan purata isi rumah meningkat sebanyak 7.3 peratus setiap tahun mulai 1970 hingga 2012 dengan pemeroleh pendapatan 40 peratus terendah menikmati pertumbuhan yang paling tinggi.  
5

Namun garis kemiskinan tegar Malaysia tidak konsisten dengan kos sara hidup dalam negara. Garis kemiskinan sebanyak RM980 (\$235) akan menyaksikan keluarga di bandar seramai 4 orang hidup dengan RM8, atau kurang daripada RM2 bagi setiap seorang sehari –satu garis rendah yang tragik bagi sebuah negara yang hampir mencapai status berpendapatan tinggi<sup>6</sup>. Pelbagai analisis bebas menunjukkan tuntutan yang sering diulangi bahawa Malaysia telah pun membasmi kemiskinan adalah tidak benar. Seperti di negara-negara yang setaraf, sebahagian yang agak besar penduduk Malaysia masih mengalami kesusahan dalam menghadapi hidup dengan akses yang amat terhad kepada makanan, tempat perlindungan, pendidikan dan penjagaan kesihatan, serta keupayaan yang terhad untuk menggunakan hak sivil dan politik. Namun kebanyakan pegawai yang telah saya temui melihat kadar kemiskinan kebangsaan pada nilai muka. Dan sebarang kemajuan sebenar dalam pembasmian kemiskinan akan memerlukan penilaian semula yang bersungguh-sungguh tentang siapa yang berada dalam kemiskinan dan apakah cabaran-cabaran yang sebenar.

Naratif arus perdana bahawa kemiskinan di Malaysia sebahagian besarnya adalah terhad kepada bilangan kecil di kawasan luar bandar serta di kalangan orang asli perlu disingkirkan. Sementara kumpulan tersebut menghadapi cabara-cabaran yang teruk dan unik, kemiskinan bandar juga nyata ketara. Berbeza dengan kadar kemiskinan rasmi 2016 pada 0.0 peratus bagi Kuala Lumpur, kaji selidik ke atas pangsapuri pendapatan rendah dalam bandar oleh UNICEF pada tahun 2018 mendapati 7 peratus penduduk hidup di bawah garis kemiskinan kebangsaan, 85 peratus dalam kemiskinan relatif, dan 99.7 peratus kanak-kanak hidup dalam kemiskinan relatif.<sup>7</sup> Sebuah dapur kebajikan yang saya kunjungi menyatakan bahawa mereka menyediakan sajian untuk sehingga 700 orang semalam, dan melaporkan lebih daripada 40 dapur kebajikan sedang beroperasi di bandaraya. Kira-kira 17 peratus isi rumah di Kuala Lumpur hidup dengan

<sup>4</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, "Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016", Oktober 2017, ms.36

<sup>5</sup> UNDP, "Malaysia Human Development Report 2013," <http://hdr.undp.org/en/content/malaysia-human-development-report-2013> ms. 34

<sup>6</sup> Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, "Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020," Oktober 2018, <http://www.me.gov.my/en/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> ms. 225

<sup>7</sup> UNICEF, "Children Without," Februari, 2018, [tp://www.unicef.org/malaysia/reports/children-without](http://www.unicef.org/malaysia/reports/children-without), ms. 24, 43 –44. Kaji selidik itu merangkumi 16 rumah pangsa pendapatan rendah di Kuala Lumpur dan sebuah yang berhampiran di Selangor. Kurang daripada RM5,000 (\$1,197) sebulan, walaupun upah sara hidup yang dianggarkan oleh Bank Negara untuk keluarga seramai empat orang di Kuala Lumpur adalah RM6,500 (\$1,556).<sup>8</sup> Tiada satu pun hakikat-hakikat ini yang menunjuk kepada sebuah bandaraya yang telah membasmi kemiskinan.

Tidak menghairankan bahawa dengan menghilangkan kemiskinan secara ajaib hanya akan memburukkan lagi masalah itu. Ini telah menyebabkan kekurangan pelaburan yang signifikan untuk usaha mengurangkan kemiskinan, membantut penyelidikan dan analisis terhadap pendorong kemiskinan, dan membiarkan sebuah sistem perlindungan sosial beroperasi secara hidup segan mati tak mahu kerana ia tidak bersepadu, kurang menepati sasaran serta kekurangan dana. Dari aspek penggubalan dasar, nampaknya tiada fokus yang jelas terhadap rakyat miskin secara menyeluruh, dan para pegawai lazimnya tidak berupaya memberi penjelasan tentang apa yang telah dilakukan bagi memastikan rakyat yang hidup dalam kemiskinan akan mendapat akses kepada perkhidmatan atau program mereka. Program yang tersedia untuk membantu rakyat berpendapatan rendah lazimnya memfokus secara sempit kepada rakyat di bawah garis kemiskinan rasmi, atau hanya 0.4 peratus penduduk. Sementara itu, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) terus meningkatkan usaha untuk mengisi jurang dan memberi perkhidmatan yang amat diperlukan kepada rakyat berpendapatan rendah, termasuk melalui dapur kebajikan, pendidikan tidak formal, pusat-pusat krisis dan tempat perlindungan. Usaha-usaha mulia ini patut disanjung namun ia bukanlah pengganti kepada dasar dan tindakan rasmi yang wajar.

Seperti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, kemiskinan juga merangkumi pelbagai kaum. Zaman penjajahan telah mencipta ketidakseimbangan mengikut garis perkauman dan hari ini perkauman masih meresapi cara bagaimana ramai orang memikir dan membincang tentang penggubalan dasar dan kemiskinan. Walaupun ketidakseimbangan pendapatan relatif antara Bumiputera<sup>9</sup> dan kumpulan-kumpulan lain telah dikurangkan sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970,<sup>10</sup> Bumiputera masih mencatatkan kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding penduduk China dan India.<sup>11</sup> Bagaimanapun, hampir enam peratus isi rumah China di seluruh negara terpaksa hidup dengan kurang daripada RM2,000 sebulan pada tahun 2016.<sup>12</sup> Juga penyelidikan penting telah menunjukkan bahawa orang India telah tersingkir dari kebanyakan perancangan pembangunan dan banyak program pembasmian kemiskinan.<sup>13</sup>

---

<sup>8</sup> Malaysia, "Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016," Jadual 1.11, ms. 57, Bank Negara, "The Living Wage: Beyond Making Ends Meet," 2018, [www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_publication&pg=en\\_work\\_papers&ac=62&bb=file](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pg=en_work_papers&ac=62&bb=file) ms.5

<sup>9</sup> Satu istilah yang digunakan untuk menggambarkan orang-orang keturunan Melayu serta orang-orang asal.

<sup>10</sup> Martin Ravallion, "Ethnic Inequality and Poverty in Malaysia since 1969," Kertas Kerja 25640, <http://www.nber.org/papers/w25640>, ms. 13-14

<sup>11</sup> Malaysia, "Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020," Oktober 2018, <http://www.me.gov.my/en/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> Appendix, A-23, Chart 1, Incidence of Absolute Poverty by Stratum and Ethnicity, 2014 and 2016.

<sup>12</sup> Malaysia, "Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016", Jadual 1.10, ms.51

<sup>13</sup> Centre for Policy Studies, "The Case of Low Income Malaysian Indians," <http://cpps.org.my/wp-content/uploads/2017/10/Low-Income-Malaysian-Indians-9MP-Recommendations.pdf>.

Kerajaan Pakatan Harapan memegang tampok kuasa dengan memberi komitmen-komitmen penting untuk memperbaiki hak asasi manusia serta kesejahteraan negara. Kerajaan patut dipuji atas kemajuan yang dicapainya dalam beberapa bidang, termasuk berjanji untuk berjumpa dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) setiap enam bulan bagi menilai kemajuan syur-syur oleh Semakan Berkala Sejagat (UPR) dan meningkatkan gaji minimum. Saya telah bertemu dengan anggota serta pegawai kerajaan yang jelas berdedikasi untuk meraih pencapaian yang paling maksimum melalui satu peralihan yang bersejarah, serta memastikan Malaysia melakukan jauh lebih lagi untuk menangani kemiskinan dan menunaikan hak golongan yang terpinggir.

## 2. Pengukuran Kemiskinan

Tujuan pengukuran kemiskinan seharusnya untuk membolehkan penilaian yang waras serta berdasarkan konteks terhadap paras dan sifat kemiskinan dalam sebuah negara. Tetapi di Malaysia ia telah menjadi satu cara bagi negara mengisytiharkan kemenangan ke atas kemiskinan tanpa sebenarnya mencapainya.

Garis kemiskinan kebangsaan Malaysia adalah tidak selaras dengan kos sara hidup atau pendapatan isi rumah. Ia mungkin masuk akal pada tahun 1970, tetapi pendapatan isi rumah sebenar telah meningkat lima kali ganda sejak itu, dan Malaysia telah pun maju dari negara "berpendapatan rendah" ke negara "berpendapatan menengah atas" dalam tempoh tersebut.<sup>14</sup> Pengukuran itu tidak selaras dengan hampir kesemua analisis bebas, telah membantut kerja serta penyelidikan ke atas kemiskinan, serta menjadikannya sukar untuk menyasarkan sumber dan program sokongan sosial yang sedia ada.

Garis kemiskinan yang sedia ada juga tidak mempunyai banyak persamaannya dengan keperluan isi rumah atau realiti sebenar di lapangan. Menurut Institut Penyelidikan Khazanah, "Rakyat Malaysia rasa putus hubungan dengan perangkaan kemiskinan rasmi. Mereka berasa pendapatan mereka hampir tidak mencukupi untuk menampung kehidupan, namun mengikut penghitungan rasmi, kita hampir tidak ada kemiskinan di negara ini."<sup>15</sup> Institut itu mendapati bahawa pada tahun 2016, isi rumah dengan pendapatan bulanan sebanyak RM 2,000 (\$ 481), iaitu lebih dua kali ganda garis kemiskinan, membelanjakan 94.8 peratus daripada pendapatan

---

<sup>14</sup> Martin Ravallion, "Has Malaysia Virtually Eliminated Poverty?," *Economics and Poverty*, Januari 21, 2019, <https://economicsandpoverty.com/2019/01/21/has-malaysia-virtually-eliminated-poverty/>.

<sup>15</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, "The Absolute vs Relative Poverty Conundrum," Jun 2019, [http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views\\_The%20Absolute%20VS%20Poverty%20Conundrum.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views_The%20Absolute%20VS%20Poverty%20Conundrum.pdf) p. 3.

mereka atas barangan penggunaan asas isi rumah.<sup>16</sup> Sehingga tahun 2013, 53 peratus isi rumah Malaysia tidak mempunyai aset kewangan.<sup>17</sup>

Ilusi pembasmian kemiskinan juga telah dikekalkan sebahagiannya dengan tidak memasukkan sejumlah besar orang daripada pengiraan dan analisis rasmi Malaysia. Perangkaan rasmi hanya mencakupi keadaan mereka yang berkewarganegaraan Malaysia, dan mengeneipkan sejumlah besar pendatang, pelarian dan pencari suaka dan orang tanpa kerakyatan.

Garis kemiskinan itu telah menarik kritikan meluas dari dalam negeri dan di peringkat antarabangsa. Pada Oktober 2018, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Pelaburan Dr Ong Kian Ming berkata, "Apabila upah meningkat dan kita menjadi negara berpendapatan pertengahan, kita tidak meningkatkan standard untuk apa yang dianggap sebagai kehidupan yang memuaskan di atas garis kemiskinan. Jadi, kini yang kita ada adalah paras yang sangat rendah. Kita perlu meningkatkan indeks garis kemiskinan untuk mencapai tahap 'upah hidup'."<sup>18</sup> Menurut UNICEF, pengukuran kemiskinan semasa adalah "rendah secara tidak menasabah bagi sebuah negara berpendapatan pertengahan atas dan tidak merekod dengan tepat jangkauan sebenar keadaan serba kekurangan di kalangan penduduknya."<sup>19</sup> Malah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-11 kerajaan telah menyatakan bahawa garis kemiskinan akan "dikaji semula untuk lebih menggambarkan corak penggunaan dan keperluan serta demografi semasa isi rumah."<sup>20</sup>

Martin Ravallion, ahli ekonomi yang amat dihormati mendapati bahawa berbanding dengan negara-negara yang mempunyai pendapatan purata yang hampir sama, seseorang akan menjangkakan garis kemiskinan Malaysia akan merangkumi sekitar 20 peratus daripada penduduk.<sup>21</sup> Institut Penyelidikan Khazanah mendapati bahawa ukuran kemiskinan relatif sebanyak 60 peratus pendapatan median akan menunjukkan 22.2 peratus isi rumah berada dalam kemiskinan pada tahun 2016.<sup>22</sup> Dan UNICEF mendapati pada tahun 2019 bahawa

---

<sup>16</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, "The State of Households 2018," October 2018, [http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport\\_KRI\\_SOH\\_2018.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport_KRI_SOH_2018.pdf) ms. 2.

<sup>17</sup> UNDP, "Malaysia Human Development Report 2013," 2014, <http://hdr.undp.org/en/content/malaysia-human-development-report-2013> ms. 49.

<sup>18</sup> "Malaysia's poverty line too low, says Kian Ming," Star Online, Oktober 19, 2018, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/10/19/malysias-poverty-line-too-low-says-kian-ming/>.

<sup>19</sup> UNICEF, "Submission by UNICEF Malaysia to the UN Special Rapporteur on Extreme Poverty Human Rights," Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> ms. 1.

<sup>20</sup> Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, "Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020," Oktober 2018, <http://www.me.gov.my/en/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> ms. 231.

<sup>21</sup> Martin Ravallion, "Has Malaysia Virtually Eliminated Poverty?," Economics and Poverty, Januari 21, 2019, <https://economicsandpoverty.com/2019/01/21/has-malaysia-virtually-eliminated-poverty/>.

<sup>22</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, "The Absolute vs Relative Poverty Conundrum," Jun 2019, [http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views/The%20Absolute%](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views/The%20Absolute%20vs%20Relative%20Poverty%20Conundrum.pdf)

kemiskinan relatif yang sama dengan yang diterima pakai oleh kebanyakan negara OECD akan menempatkan sekitar 16 peratus penduduk berada dalam kemiskinan.<sup>23</sup>

Dari segi kritikan antarabangsa, pengecualian yang patut diberi perhatian ialah Tabung Kewangan Antarabangsa. Dalam penilaian Perkara IV baru-baru ini, ia memuji Kerajaan kerana "mengurangkan kemiskinan yang sudah rendah" tanpa apa-apa sebutan lain tentang kemiskinan dalam laporan 100 halaman itu. Bagi sebuah institusi yang bertujuan memandang serius perlindungan sosial dan meneliti angka-angka kerajaan, ini boleh dianggap sebagai hampir keabai tugas.<sup>24</sup>

Walaupun Malaysia telah memberi respons kepada kritikan ini dengan memperkenalkan cara tambahan untuk mengukur kemiskinan, ia telah melakukannya tanpa membuat penyesuaian kepada kadar kemiskinan negara. Rancangan Malaysia Ke-9 2001-2005 memilih untuk menggunakan penduduk berpendapatan 40 peratus terendah (B40) sebagai cara untuk menyasarkan sumber. Rancangan Malaysia Ke-11 2016-2020 memperkenalkan indeks kemiskinan pelbagai dimensi.<sup>25</sup> Dan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-11 telah memperkenalkan ukuran kemiskinan relatif untuk pendapatn "isi rumah berpendapatan rendah" antara garis kemiskinan kebangsaan dan 50 peratus pendapatan isi rumah median kebangsaan (RM 980-RM 2,614, atau \$ 235-\$ 628),<sup>26</sup> merangkumi 15.5 peratus isi rumah.<sup>27</sup>

Tetapi indeks kemiskinan pelbagai dimensi baru Malaysia yang disanjung oleh pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebagai masa depan pengukuran kemiskinan di negara ini,<sup>28</sup> telah menghasilkan angka yang sangat rendah sehingga mengemis kepercayaan, dan amat bergantung kepada ukuran berasaskan pendapatan yang sedia ada.<sup>29</sup> Dan sementara mendedahkan bahawa 30.51 peratus orang mengalami serba kekurangan dalam suatu tempoh tertentu pada tahun 2016, indeks kemiskinan pelbagai dimensi mencatat angka 0.86 peratus, dengan itu secara keseluruhannya ia mereplikakan ukuran yang diragui tetapi telah membolehkan Malaysia membuat pengumuman dan dengan segera melintasi garisan penamat yang baru.<sup>30</sup> Sebagaimana seorang memberitahu saya, "Kami memenuhi sasaran tetapi tidak menepati orangnya."

---

<sup>23</sup> UNICEF, "Submission by UNICEF Malaysia to the UN Special Rapporteur on Extreme Poverty Human Rights," Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> ms. 1.

<sup>24</sup> IMF, "Malaysia: 2019 Article IV Consultation," IMF Country Report No. 19/71, ms 2.

<sup>25</sup> Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, "Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020," Oktober 2018, <http://www.me.gov.my/en/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> ms. 5.

<sup>26</sup> Ibid. ms. 225.

<sup>27</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, "The Absolute vs Relative Poverty Conundrum," Jun 2019, [http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views The%20Absolute%20VS%20Poverty%20Conundrum.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Views%20The%20Absolute%20VS%20Poverty%20Conundrum.pdf) ms. 5.

<sup>28</sup> Mesyuarat dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 20, 2019.

<sup>29</sup> UNICEF, "Submission by UNICEF Malaysia to the UN Special Rapporteur on Extreme Poverty Human Rights," Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> ms. 2.

<sup>30</sup> Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, "Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020," Oktober 2018, <http://www.me.gov.my/en/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> ms. 233.

Dalam proses kerajaan merencanakan Rancangan Malaysia ke-12 2020-2024, adalah perlu supaya kerajaan segera menilai semula garis kemiskinan kebangsaan, termasuk dengan mengukur kemiskinan relatif, dan memasukkan kumpulan yang mudah terdedah seperti bukan warganegara.

### 3. Pengumpulan Data dan Ketelusan

Malaysia terserlah dari segi kekurangan ketelusan di sekitar data dan maklumat lain pegangan-awam. Berbeza dari kebanyakan negara dalam situasi yang sama, Malaysia tidak memberi akses sepenuhnya kepada data mikro kajian isi rumah utama, <sup>31</sup> dengan demikian menyekat penyelidikan dan analisis kerajaan dan bebas terhadap kemiskinan dan ketidakadilan. Pegawai kerajaan negeri sering menyatakan mereka perlu membuat permohonan kepada "Putrajaya" jika mereka memerlukan pelbagai jenis data. Penyelidik boleh memohon kepada Jabatan Perangkaan untuk mendapat set-set data terpilih, tetapi mereka yang saya jumpai berkata permintaan mereka sering tidak dibenarkan. Organisasi-organisasi antarabangsa dan malah pegawai-pegawai kerajaan negeri juga berkata mereka juga perlu membuat permohonan khusus untuk mendapatkan maklumat, dan pada dasarnya akses mereka bergantung kepada belas kasihan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Berkontras sama sekali dengan mesej ini, seorang wakil Jabatan Perangkaan memberitahu saya bahawa Jabatannya "membolehkan data diakses oleh semua," dan mempertikaian laporan bahawa jabatan tidak mengongsi data mikro. Seorang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berkata kerajaan menyediakan apa yang boleh, tetapi perlu berhati-hati dengan data kerana kebimbangan tentang privasi, tetapi nyata bahawa data boleh dianonimkan dan diberikan kepada orang ramai tanpa mengkompromi privasi, seperti yang diamalkan di banyak negara lain.

<sup>32</sup>

Dalam sesetengah kes, ia tidak menunjukkan bahawa data penting dikumpul, atau data boleh didisagreasikan mengikut keperluan supaya mencapai kesimpulan tentang kecukupan langkah-langkah yang diambil berhubung dengan kumpulan sasaran mudah terdedah. Pegawai-pegawai yang telah saya temui secara konsistennya tidak dapat memberikan saya angka-angka penting dan Kementerian Perumahan memberitahu saya bahawa tiada rekod disimpan untuk bilangan orang yang diusir dari perumahan awam. Terdapat juga keengganan ketara oleh pihak kerajaan untuk membuat anggaran keatas penduduk yang mudah terdedah yang kerajaan tidak mempunyai bilangan yang tepat. Sebagai contoh, para pegawai telah menunjukkan bahawa mereka tidak dapat memberi saya anggaran pendatang tanpa izin, orang tanpa kerakyatan, atau mereka yang memerlukan perumahan kos rendah.

---



<sup>31</sup> Martin Ravallion, "Has Malaysia Virtually Eliminated Poverty?," *Economics and Poverty*, Januari 21, 2019, <https://economicsandpoverty.com/2019/01/21/has-malaysia-virtually-eliminated-poverty/>.

<sup>32</sup> Mesyuarat dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos 20, 2019.

Perangkaan yang ada telah diurus dengan teliti dan dibentangkan dengan cara yang sering mengaburi butiran-butiran penting. Sebagai contoh, data yang sedia ada mengenai kemiskinan dan ketidakadilan tidak dibentangkan dengan mengasingkan mengikut jantina atau yang membezakan antara Bumiputera Melayu dan Bumiputera bukan-Melayu, dengan demikian telah mengaburkan situasi orang-orang asal. Di Sabah, satu-satunya negeri di kalangan negeri-negeri yang telah saya kunjungi memberikan maklumat ini, iaitu kadar kemiskinan keseluruhan Bumiputera adalah 3.6 peratus pada tahun 2016, tetapi kadar bagi Bumiputera bukan-Melayu (orang asal) ber julat antara 1 hingga 4.2 peratus, iaitu jauh lebih tinggi daripada kadar 0.3 peratus bagi orang Melayu. Kerajaan persekutuan tidak memberi respons kepada permintaan saya untuk data yang didisagregasikan seperti ini. Kemiskinan juga diukur mengikut isi rumah, yang mengandaikan setiap orang dalam satu isi rumah di bawah garis kemiskinan adalah dalam kemiskinan dan sebaliknya, dan tidak membolehkan satu penilaian per kapita. Ukuran per isi rumah mengaburkan pendapatan per kapita yang lebih kecil dalam isi rumah yang lebih besar, dan memesongkan angka-angka etnisiti kerana pengkategorianya adalah berdasarkan keseluruhannya kepada etnisiti ketua isi rumah, dan tidak mencakupi secukupnya isi rumah berbilang-etnik.

Kerajaan berkomitmen untuk "merangkul ketelusan" dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-II. <sup>33</sup> Ia harus menyediakan data mikro dalam talian dari kaji selidik kebangsaan utama, seperti Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, serta laporan-laporan analisis. Ia juga harus menerbitkan anggaran muktamad untuk penduduk mudah terdedah yang mana tidak ada data untuk mereka, dan mempertimbang untuk memasukkan hak kepada maklumat dalam rang undang-undang Kebebasan Maklumat yang sedang digubal. Kerajaan harus menggunakan Banci 2020 sebagai satu peluang untuk mengumpul dan menyiarkan data yang mencakupi mengenai kumpulan mudah terdedah, seperti orang kurang upaya, yang data semasa bagi kumpulan ini terutamanya adalah amat tidak mencukupi.

#### 4. Pendapatan dan Kos Sara Hidup

Malaysia memperkenalkan gaji minimum pada tahun 2013, diguna pakai untuk pekerja Malaysia dan pekerja asing. Langkah ini dianggarkan telah meningkatkan upah seramai 3.2 juta pekerja sektor swasta, 30 peratus daripada jumlah tenaga kerja, tetapi penguatkuasaannya tidak sama merata, terutamanya bagi pekerja asing yang tidak berdokumen.<sup>34</sup> Upah minimum dinaikkan kepada RM 1,100 (\$ 264) pada tahun 2019,<sup>35</sup> hanya atas sedikit daripada garis kemiskinan.

Di seluruh negara, dua puluh peratus isi rumah mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM 3,000 (\$ 718), dan 8.8 peratus memadai dengan kurang daripada RM2,000 (\$ 479).<sup>36</sup> Keadaan ini adalah lebih mendesak di kawasan-kawasan tertentu. Di Kelantan, 48.4 peratus isi rumah mempunyai pendapatan kurang daripada RM 3,000 dan 22.9 peratus isi rumah berpendapatan kurang daripada RM 2,000 sebulan.<sup>37</sup> Malaysia Timur juga mempunyai bilangan isi rumah berpendapatan rendah yang tidak seimbang, dengan 16.1 peratus isi rumah di Sabah dan 15.5 peratus di Sarawak mempunyai pendapatan kurang daripada RM 2,000.<sup>38</sup>

#### 5. Perlindungan Sosial

Sehingga tahun 2017, perbelanjaan untuk perlindungan sosial di Malaysia adalah lebih rendah daripada kesemua negara-negara di Asia Tenggara yang datanya tersedia boleh didapati. Dan secara luar biasa, perbelanjaan untuk perlindungan sosial tidak meningkat seiring dengan KDNK.<sup>39</sup> Di samping itu, hasil kerajaan yang rendah menghadkan sumber-sumber yang boleh dibelanjakan oleh kerajaan keatas perlindungan sosial. Menurut Bank Dunia, Malaysia diunjurkan mencatat satu daripada hasil fiskal yang paling rendah berbanding KDNK pada tahun 2019 (18 peratus), jauh di bawah purata bagi negara berpendapatan pertengahan (27.5 peratus).<sup>40</sup> Sehingga tahun 2017, kurang daripada 10 peratus rakyat Malaysia yang berumur lebih daripada 15 tahun membayar cukai pendapatan, dan kadar cukai marginal tertinggi untuk golongan berpendapatan amat tinggi adalah hanya 28 peratus.<sup>41</sup>

---

<sup>34</sup> Stewart Nixon, Hidekatsu Asada, dan Vincent Koen, "Fostering inclusive growth in Malaysia," OECD Working Papers, Januari 2017, [https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia\\_24837aed-en](https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia_24837aed-en) ms. 11-12.

<sup>35</sup> Jacqueline David, "RM1,100 minimum monthly wage comes into effect," Borneo Post Online, Januari 2, 2019, <https://www.theborneopost.com/2019/01/02/rm1100-minimum-monthly-wage-comes-into-effect>.

<sup>36</sup> Malaysia, "Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 " Jadual 1.11, ms. 54.

<sup>37</sup> Ibid,

<sup>38</sup> Ibid, ms. 56-7.

<sup>39</sup> Stewart Nixon, Hidekatsu Asada, and Vincent Koen, "Fostering inclusive growth in Malaysia," OECD Working Papers, January 2017, [https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia\\_24837aed-en](https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia_24837aed-en) ms. 18.

<sup>40</sup> World Bank, "Malaysia Economic Monitor December 2018," <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/30996/132903.pdf?sequence=1&isAllowed=y> p. 34. The government's financial position is available on page 36.

<sup>41</sup> Stewart Nixon, Hidekatsu Asada, and Vincent Koen, "Fostering inclusive growth in Malaysia," OECD Working Papers, January 2017, [https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia\\_24837aed-en.ms.23](https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia_24837aed-en.ms.23).

### Sokongan sosial

Sistem perlindungan sosial Malaysia nampaknya berpecah belah, pendanaan yang tidak mencukupi, dan kurang menepati sasaran. Menurut kerajaan, terdapat sekurang-kurangnya 110 program perlindungan sosial di Malaysia merentasi lebih daripada 20 kementerian dan agensi.

UNICEF mendapati bahawa sistem perlindungan sosial "hampir tidak mempunyai impak pengagihan semula atau pengurangan kemiskinan" disebabkan oleh pelaburan yang tidak mencukupi, perbelanjaan yang tidak selari dengan KDNK dan skim-skim yang menyediakan faedah kecil yang tidak tetap.<sup>42</sup> Terdapat kekurangan jaringan keselamatan pekerja, dan sokongan pendapatan bagi orang yang kurang bernasib baik, seperti mereka yang menganggur, ibu bapa tunggal, orang kurang upaya, dan orang yang lebih tua masih bersifat ad hoc, kurang disasarkan, dan tidak mampu menjamin taraf hidup asas.<sup>43</sup> Namun, walaupun terdapat kritikan-kritikan ini, ramai antara pegawai yang saya temui menafikan bahawa terdapat sesuatu yang tidak kena dalam sistem sokongan sosial.

Fokus yang lebih baru terhadap penduduk B40 bermakna sejumlah besar isi rumah menerima pemindahan wang tunai, tetapi bayarannya begitu kecil sehingga tidak banyak membawa perbezaan. Pemindahan sedemikian boleh membawa lebih banyak perbezaan jika disasarkan untuk menumpu kepada isi rumah yang lebih miskin atau yang mempunyai lebih ramai anak – atau lebih penting lagi, jika pembiayaan keseluruhan ditingkatkan.<sup>44</sup> Tambahan pula, nampaknya ramai di antara mereka yang memerlukan perlindungan sosial atau pemindahan wang tunai tidak menyedari tentang program-program itu, atau tidak dapat mengaksesnya.<sup>45</sup> Ramai keluarga berpendapatan rendah yang saya temui tidak langsung menerima apa-apa jua sokongan.

Kerajaan harus membangunkan satu dasar perlindungan sosial yang komprehensif dan bersepadu yang akan menyara rakyat Malaysia merentasi kitaran hayat. Majlis Perlindungan Sosial Malaysia di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berada pada kedudukan yang baik untuk berbuat demikian, lebih-lebih lagi jika Majlis dapat mencedok kepakaran daripada Kumpulan Kerja mengenai Rangka Tindakan Perlindungan Sosial, yang telah merumus rancangan bercita-cita tinggi untuk mengisi jurang dan menyusun semula program perlindungan sosial negara sejajar dengan pendekatan Organisasi Buruh Antarabangsa yang menambat perhatian tentang Jaminan Asas Perlindungan Sosial. Institusi hak asasi manusia negara, SUHAKAM, juga harus mempergiatkan usaha memantau dan melindungi hak-hak ekonomi dan sosial.

---

<sup>42</sup> UNICEF, "Submission by UNICEF Malaysia to the UN Special Rapporteur on Extreme Poverty Human Rights," Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> ms. 2.

<sup>43</sup> Stewart Nixon, Hidekatsu Asada, and Vincent Koen, "Fostering inclusive growth in Malaysia," OECD Working Papers, Januari 2017, [https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia\\_24837aed-en.ms.10,16](https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia_24837aed-en.ms.10,16).

<sup>44</sup> World Bank, "Malaysia Economic Monitor December 2018," <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/30996/132903.pdf?sequence=1&isAllowed=y> ms. 65.

<sup>45</sup> UNICEF, "Children Without," February 2018, <https://www.unicef.org/malaysia/reports/children-without>, ms. 24.

### Penjagaan kesihatan

Malaysia harus berbangga dengan perkhidmatan penjagaan kesihatannya yang mudah diakses oleh kebanyakan penduduk. Walaupun tahap perbelanjaan awam terhadap kesihatan secara relatifnya agak rendah, namun Malaysia telah menyediakan perlindungan daripada risiko kewangan disebabkan kos penjagaan kesihatan yang tinggi kepada isi rumah dengan berbagai cara – di mana penjagaan boleh diakses.<sup>46</sup> Menurut Bank Dunia, hanya 1.4 peratus isi rumah mengalami perbelanjaan kesihatan yang disifatkan sebagai bencana kewangan.<sup>47</sup>

Tetapi sistem penjagaan kesihatan dua tingkat awam–swasta telah mendorong kebanyakan isi rumah berpendapatan rendah mendapatkan penjagaan di kemudahan–kemudahan awam, sementara isi rumah berpendapatan tinggi merupakan majoriti (dua pertiga) untuk lawatan ke kemudahan swasta, dengan demikian mempolarisasikan penyediaan penjagaan kesihatan mengikut status sosioekonomi.<sup>48</sup> Menurut satu anggaran, 70 peratus daripada pakar kini berada dalam sistem swasta yang lebih mahal, lazimnya terletak di kawasan yang lebih kaya, di mana hanya 30 peratus daripada kes–kes yang rumit dirawat. Peruntukan yang berat sebelah ini menimbulkan kekurangan kakitangan kritikal dalam sebuah sistem penjagaan kesihatan awam yang terlalu dibebani dan telah menyumbang kepada "peningkatan insiden kesesakan, masa menunggu yang lama, perundingan yang tergendala dan kemasukan lewat bagi kes-kes kecemasan" di sana.<sup>49</sup>

Akses kepada perkhidmatan kesihatan dan ubat–ubatan serta vaksin di kawasan luar bandar nampaknya menjadi satu cabaran yang benar. Satu pertiga daripada isi rumah luar bandar di Sabah dan 43.6 peratus di Sarawak tinggal lebih daripada 9km dari pusat kesihatan awam.<sup>50</sup> Dan penduduk kampung perlu pergi lebih jauh ke hospital untuk apa–apa masalah kesihatan yang serius. Pihak berkepentingan menekankan bahawa penjagaan kesihatan adalah tidak percuma jika anda tidak mampu pergi ke pusat kesihatan atau hospital. Di pinggir Kota Bharu, saya bertemu dengan keluarga yang terpaksa melepaskan kemudahan pengambilan ubat percuma untuk anak mereka yang mengidap cerebral palsy kerana mereka tidak mampu membayar kos pengangkutan.

Malaysia sudah cukup hampir dalam menyediakan penjagaan kesihatan sejagat, dan seharusnya memberi pertimbangan serius terhadap penggubalan undang–undang hak kebangsaan untuk penjagaan kesihatan demi mengukuhkan komitmennya dalam memastikan setiap isi rumah mampu mengakses standard kesihatan fizikal dan mental yang tertinggi.

---

<sup>46</sup> Stewart Nixon, Hidekatsu Asada, and Vincent Koen, "Fostering inclusive growth in Malaysia," OECD Working Papers, January 2017, [https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia\\_24837aed-en](https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia_24837aed-en) ms. 28.

<sup>47</sup> World Bank, "Malaysia Economic Monitor December 2018," <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/30996/132903.pdf?sequence=1&isAllowed=y> ms. 62–63.

<sup>48</sup> Ibid, ms. 61.

<sup>49</sup> Stewart Nixon, Hidekatsu Asada, and Vincent Koen, "Fostering inclusive growth in Malaysia," OECD Working Papers, January 2017, [https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia\\_24837aed-en](https://www.oecd-ilibrary.org/economics/fostering-inclusive-growth-in-malaysia_24837aed-en) ms. 28.

<sup>50</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, "Laporan Penyiataan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016," Oktober 2017, ms. 98.

## Pendidikan

Di Malaysia, pendidikan adalah penting untuk membebaskan orang dari cengkaman kemiskinan. Sehingga tahun 2017, pendapatan bulanan median bagi isi rumah tanpa pendidikan formal adalah RM 1,100 (\$ 264), berbanding RM 3,400 (\$ 817) bagi yang berpendidikan tinggi.<sup>51</sup> Malaysia telah mencapai kemajuan yang nyata dan mengagumkan dalam meningkatkan kadar pendaftaran, termasuk pendidikan rendah sejagat.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun, pergeseran dari sistem sekolah merupakan cabaran satu utama khususnya bagi pelajar berpendapatan rendah,<sup>53</sup> dan amalan dengan hanya memecatkan pelajar yang gagal menghadiri sekolah mengundang respons yang mambar dan tidak berkesan.

Kemiskinan masih menghambat ramai kanak-kanak untuk bersekolah meskipun terdapat program Kementerian Pendidikan untuk menyokong pelajar yang berpendapatan amat rendah. Menurut UNICEF, kemampuan bersekolah "dikenal pasti secara konsistennya sebagai penyebab utama kadar pendaftaran prasekolah dan menengah atas yang tidak mencukupi." Kerajaan mensubsidikan yuran sekolah, tetapi ibu bapa mungkin tidak berupaya membayar kos pakaian seragam sekolah, buku dan bekalan atau menanggung kos peluang yang terlepas bagi buruh kanak-kanak.<sup>54</sup> Keluarga berpendapatan rendah berulang kali memberitahu saya bahawa yuran atau kos yang berkaitan dengan pendidikan, walaupun serendah RM1, sudah memadai untuk memastikan anak-anak mereka tidak bersekolah. Amaun yang rendah ini pastinya boleh ditanggung dengan lebih komprehensif oleh program-program kerajaan.

Dan walaupun kadar pendaftarannya tinggi, penduduk-penduduk tertentu menghadapi halangan-halangan lain yang agak besar untuk mendapat pendidikan. Dua belas peratus isi rumah di Sarawak dan 7.5 peratus di Sabah tinggal lebih daripada 9km dari sekolah rendah kerajaan. Bagi sekolah menengah, angka-angkanya meningkat kepada 37.4 peratus di Sabah dan 50.9 peratus di Sarawak.<sup>55</sup> Adalah perkara biasa bagi kanak-kanak di kawasan luar bandar meninggalkan kampung pada usia muda dan tinggal di asrama jauh daripada keluarga mereka untuk bersekolah. Dan orang-orang tanpa pengenalan – termasuk orang tanpa kerakyatan, pendatang, dan orang-orang asal – tidak dapat menghadiri sekolah awam, dan sering bergantung kepada pendidikan tidak formal.

---

<sup>51</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, "Laporan Penyiataan Gaji dan Upah," <https://bit.ly/2KnJEwn>.

<sup>52</sup> World Bank, "Malaysia Economic Monitor December 2018," <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/30996/132903.pdf?sequence=1&isAllowed=y> ms. 54, 57.

<sup>53</sup> UNDP, "Malaysia Human Development Report 2013," 2014, <http://hdr.undp.org/en/content/malaysia-human-development-report-2013> ms. 159

<sup>54</sup> UNICEF, "Submission by UNICEF Malaysia to the UN Special Rapporteur on Extreme Poverty Human Rights," Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> ms. 2.

<sup>55</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, "Laporan Penyiataan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016," Oktober 2017, ms. 99.

Sejumlah besar sekolah, terutama sekali di kawasan pedalaman, terjejas akibat kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas atau keadaan yang bertambah merosot.<sup>56</sup> Terdapat banyak sekolah yang sudah usang di kawasan pedalaman, terutama sekali di Sabah dan Sarawak.<sup>57</sup> Menurut Kementerian Pendidikan, 584 daripada 1,296 buah sekolah di Sabah telah dikelaskan sebagai usang oleh Jabatan Kerja Raya. Lapan puluh empat buah daripadanya telah dikadarkan sebagai tidak selamat. Pada tahun 2019, hanya 22 buah daripada sekolah-sekolah ini telah dijadualkan untuk kerja pembaikan.<sup>58</sup> Tambahan lagi, kualiti pendidikan masih tetap membimbangkan. Menjelang tahun 2015, 12 tahun tempoh persekolahan di Malaysia adalah bersamaan dengan hanya sembilan tahun apabila ianya dilaraskan bagi kualiti, dan skor negara terletak di peratusan ke-25 dalam skor purata OECD bagi kebolehan membaca dan matematik.<sup>59</sup> Malaysia patut membuat pertimbangan untuk menjadikan pendidikan sekolah menengah wajib. Ia patut meningkatkan pelaburan untuk menyokong pelajar yang berpendapatan rendah, memperbaiki akses kepada pendidikan di kawasan-kawasan pedalaman, mendahulukan dana bagi penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur sekolah, serta memperbaiki kualiti keseluruhan bagi pendidikan. Pihak kerajaan patut memastikan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan boleh mendapat kelebihan daripada pendidikan awam, serta mengawal dan mensijilkan program pendidikan tidak formal bagi kanak-kanak yang tersisih. Malaysia juga patut menarik balik kesangsiannya tentang artikel 2 dan 28 Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak, yang mencirikan tiadanya diskriminasi dan pendidikan rendah sejagat, yang merupakan satu masalah besar dari segi objek dan tujuan perjanjian tersebut.<sup>60</sup>

## Perumahan

Perumahan juga ialah sesuatu yang tidak mampu dimiliki bagi ramai orang yang berada dalam kemiskinan. Menjelang tahun 2018, 20.9 peratus daripada stok perumahan ialah kos rendah, tetapi ia hanya merangkumi 16.5 peratus perumahan baru pada tahun 2016, dan hanya 7.4 peratus pada tahun 2017.<sup>61</sup> Dalam kebanyakan situasi, program perumahan masyarakat tidak dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran yang ditetapkan atas sebab ketidakupayaan individu dalam 40 peratus terbawah untuk layak membuat pinjaman, kekurangan unit yang mampu milik, dan sistem pengagihan perumahan kos rendah yang tidak efisien.<sup>62</sup> Terdapat kerisauan yang ketara

---

<sup>56</sup> UNDP, "Malaysia Human Development Report 2013," 2014, <http://hdr.undp.org/en/content/malaysia-human-development-report-2013> m.s. 159.

<sup>57</sup> Kementerian hal Ehwal Ekonomi Malaysia, "Mid-term review of the Eleventh Malaysia Plan 2016-2020," Oktober 2018, <https://www.me.gov.my/en/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> m.s. 113.

<sup>58</sup> Maklumat yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan, 21 Ogos 2019.

<sup>59</sup> Jabatan Statistik, Malaysia, "Household Income and Basic Amenities Survey Report 2016," Oktober 2017, m.s. 5, 174.

<sup>60</sup> UN Treaty Collection, "Convention on the Rights of the Child," [https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=IND&mtdsg\\_no=IV-11&chapter=4&clang=\\_en#EndDec](https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=IND&mtdsg_no=IV-11&chapter=4&clang=_en#EndDec).

<sup>61</sup> Department of Statistics, Malaysia, "Social Statistics Bulletin," 2018, m.s. 10, 32.

<sup>62</sup> Thean Lee Cheng, "PRIMA may be dissolved," The Star, 2 Mei, 2019, <https://www.thestar.com.my/business/businessnews/2019/05/03/prima-may-be-dissolved/>.

tentang keadaan tempat tinggal bagi sebahagian individu di Malaysia: 11 peratus rumah di Kelantan, 11 peratus di Sabah, dan 4.4 peratus di Sarawak dianggap usang atau semakin rosak.<sup>63</sup>

## 6. Hak-hak Sivil dan Politik bagi Masyarakat Miskin

Walaupun orang ramai sering mengaitkan kemiskinan dengan pencabulan hak-hak ekonomi dan sosial, realitinya di Malaysia seperti juga di negara lain, ialah golongan miskin juga mengalami pencabulan hak sivil dan masyarakat yang tidak rata. Contohnya, pelbagai sumber telah melaporkan akses kepada bantuan perundangan ialah terhad oleh skop kes-kes yang diliputi dan juga kekangan sumber. Saya telah berbual dengan banduan-banduan yang telah mengatakan mereka tidak pernah bertemu dengan sebarang peguam ataupun mereka hanya berjumpa dengan peguam selama beberapa minit sahaja pada hari perbicaraan undang-undang. Golongan tanpa kerakyatan yang lemah, seperti golongan tanpa negara dan pelarian, tidak boleh mendapat akses kepada bantuan perundangan yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Guaman.<sup>64</sup>

Kemiskinan dan sistem keadilan jenayah adalah sangat berkait rapat. Apabila ditanya tentang latar belakang sosio ekonomi banduan di penjara, pegawai-pegawai rasmi mengatakan mereka tidak mengumpul data tersebut, tetapi “kebanyakan mereka berpendapatan rendah, dengan pendidikan sekolah rendah.”<sup>65</sup> Kemiskinan, sebenarnya, dijenayahkan oleh Akta Orang Papa Kedana, yang membenarkan pihak berkuasa untuk mengambil tanggungjawab ke atas orang yang papa kedana dan menjadikan tentangan sebagai satu kesalahan dengan penalti sehingga tiga bulan penjara.<sup>66</sup> Menurut kumpulan-kumpulan masyarakat sivil, Akta tersebut telah digunakan untuk menahan golongan gelandangan tanpa sebarang perbicaraan.<sup>67</sup> Pelbagai akibat pasca penjatuhan hukuman, seperti sekatan ke atas pinjaman pendidikan dan perkhidmatan awam, termasuk juga diskriminasi oleh majikan ke atas golongan yang mempunyai rekod jenayah, bermakna bekas banduan mempunyai kurang peluang pendidikan dan pekerjaan.<sup>68</sup>

Kerajaan patut memperbaiki akses kepada bantuan perundangan, termasuklah dalam hal ehwal sivil. Pihak kerajaan patut menjalankan analisa menyeluruh tentang latar belakang sosio ekonomi golongan yang berada dalam sistem penjara, dan menambahbaikkan program-program yang sedia ada yang mempertingkatkan akses kepada peluang pekerjaan selepas mereka bebas, termasuk dengan menghapus halangan ke atas pinjaman pendidikan dan memadam rekod jenayah bagi kesalahan-kesalahan kecil.

---

<sup>63</sup> Jabatan Statistik Malaysia, “Household Income and Basic Amenities Survey Report 2016,” Oktober 2017, m.s. 92.

<sup>64</sup> Malaysia, Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017, bahagian 2a, [http://www.jbg.gov.my/images/doc/Akta/20171017\\_A1548\\_BI\\_Act%20A1548%20BI.pdf](http://www.jbg.gov.my/images/doc/Akta/20171017_A1548_BI_Act%20A1548%20BI.pdf).

<sup>65</sup> Mesyuarat bersama Kementerian Dalam Negeri, 21 Ogos, 2019.

<sup>66</sup> Malaysia, Akta Orang Papa Kedana 1997, Artikel. 2-3, 11.

<sup>67</sup> D. Kanyakuami, ‘NGOs urge for abolishment of Destitute Persons Act,’ The Star Online, 8 Julai, 2014, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2014/07/08/ngos-urge-abolish-destitute-persons-act>.

<sup>68</sup> Serahan sulit NGO kepada Pelapor Khas PBB bagi kemiskinan tegar dan hak asasi manusia.

## 7. Populasi yang Memerlukan Perhatian

### Orang Asli dan Orang Asal

Lebih kurang 13 peratus daripada populasi Malaysia adalah orang asli, termasuk lebih kurang 70.5 peratus daripada 2.7 juta penduduk di Sarawak's, 58.6 peratus daripada lebih kurang 3.8 juta penduduk di Sabah, dan pecahan yang lebih kecil lagi di Semenanjung Malaysia, kira-kira 0.7 peratus daripada populasi.<sup>69</sup> Kemiskinan dan pendapatan rendah dalam kalangan orang asli dikecualikan daripada statistik awam rasmi secara rutin, yang mengumpulkan akibat bagi orang asli dan orang Melayu di bawah satu kategori payung besar yang dinamakan Bumiputera. Angka-angka lapuk dari satu dekad yang lepas menunjukkan kadar kemiskinan orang asli yang melebihi purata negara secara banyak, 31.16 peratus bagi Orang Asli pada tahun 2010,<sup>70</sup> dan juga 22.8 peratus di Sabah dan 6.4 peratus di Sarawak pada tahun 2009.<sup>71</sup>

Tambahan lagi, walaupun terdapat komitmen yang harus dipuji dari segi retorik dan juga dalam peruntukan undang-undang bagi hak-hak Orang Asli, hak mereka, cara hidup dan matlamat mereka masih sering disalah faham atau diketepikan oleh pegawai-pegawai rasmi yang telah saya ketemu. Seorang pegawai rasmi kerajaan di Semenanjung Malaysia menerangkan masalah utamanya ialah Orang Asli perlu “menyesuaikan diri dengan kemodenan,” untuk mengubah perwatakan masyarakat mereka, gaya hidup mereka, corak pemikiran mereka, dan mereka patut “dipindahkan” ke kawasan-kawasan yang mudah dicapai.<sup>72</sup> Secara amalnya, ini boleh diterjemahkan kepada satu inisiatif besar-besaran untuk memindahkan beberapa komuniti daripada tanah adat mereka ke rumah-rumah konkrit yang terdiri daripada 1,800 buah unit di kawasan bandar. Sukar sekali untuk membayangkan satu penyelesaian yang lebih memusnah dah tidak wajar.

Hak-hak tanah Orang Asli adalah khususnya penting. Ramai orang Asli di Sarawak, Sabah, dan Semenanjung Malaysia telah memberitahu saya tentang hubungan rapat mereka dengan tanah, dan bagaimana kaedah penanaman, pemakanan, perlindungan dan amalan kesihatan tradisional mereka bergantung pada akses kepada tanah.

Selama bertahun-tahun komuniti-komuniti ini telah membangkitkan kerisauan tentang impak-impak negatif yang dibawa oleh kehilangan tanah kepada ladang-ladang komersil dan aktiviti pembalakan ke atas kesihatan, kesejahteraan, perumahan dan sekuriti makanan mereka.<sup>72</sup> Namun, negeri-negeri terus mencari cara-cara licik untuk merampas tanah yang secara tradisinya telah menjadi pergantungan komuniti Orang Asli, contohnya dengan tidak jujurnya

---

<sup>69</sup> IWGIA, *The Indigenous World 2019*, 2019, <https://www.iwgia.org/en/resources/indigenous-world>, m.s. 275.

<sup>70</sup> Angka yang dibekalkan oleh kementerian-kementerian, 19 Ogos, 2019.

<sup>71</sup> Malaysia, *Tenth Malaysian Plan, 2011-2015*, 2010, [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10\\_Eds.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Eds.pdf), m.s. 162. <sup>72</sup> Mesyuarat bersama kerajaan negeri Kelantan, 19 Ogos, 2019.

<sup>72</sup> Lihat e.g. Amnesty International, “The Forest is our Heartbeat: The Struggle to Defend Indigenous Land in Malaysia,” 2018; SUHAKAM, *Report of the National Inquiry into the Land Rights of Indigenous Peoples*, 2013.



mengisytiharkan tanah mereka sebagai “hutan simpan” tetapi membenarkan sektor korporat untuk mengeksploitasi kawasan tersebut. Seorang individu telah memberitahu saya, “Kami tak pernah kata yang kami menghadapi kemiskinan tegar. Pihak kerajaan yang mengatakan hal itu, dan menggunakannya sebagai alasan bagi projek-projek yang tidak memberi apa-apa faedah kepada kami.” Bercanggahan dengan itu, seorang kakitangan kerajaan di Sarawak mengatakan bahawa Orang Asli sebenarnya tidak “menggunakan” tanah, sebaliknya mereka hanya “merayau-rayau.”<sup>73</sup> Seperti beliau, ramai pembikin polisi nampaknya menggunakan satu hierarki bagi potensi kegunaan tanah yang meletakkan penyarian keuntungan korporat di kedudukan yang lebih tinggi berbanding penuaian yang lestari oleh Orang Asli.

Orang-orang Asli juga melaporkan pengasingan daripada perkhidmatan masyarakat termasuk sekolah dan kesihatan. Saya telah bercakap dengan ramai Orang Asli yang telah menyatakan mereka telah berhenti sekolah kerana arahan yang diberi di sekolah tidak dapat difahami oleh mereka atau tidak relevan kepada mereka, kerana apa yang mereka nampak ialah sebagai cubaan penukaran agama, atau kerana mereka telah mengalami hukuman dera dan diskriminasi. Tiada seorang pun pegawai kerajaan yang sama ditemui boleh menunjukkan sebarang hasil pendidikan bagi Orang Asli. Seorang pegawai kerajaan negeri menerangkan Orang Asli tidak akan sekali-kali diharap untuk mencapai hasil pendidikan yang sama berbanding penduduk di bandar.<sup>74</sup> Saya telah bertemu dengan kaum wanita yang telah menggambarkan pendekatan yang sangat autoritarian sekali oleh pihak berkuasa kesihatan, termasuk beberapa wanita yang telah mengatakan mereka diperlukan untuk menerima suntikan pencegah hamil dan implan yang mereka tidak mahu atau tidak memberi kebenaran untuknya. Seorang wanita menerangkan beliau terpaksa merayu kepada doktor untuk mengeluarkan semula satu implan yang menyakitkannya dan menghalang beliau daripada menjalankan tugas hariannya, dan kos yang dikenakan ke atasnya telah menelan sebanyak satu bulan perbelanjaan seisi rumah untuk mengeluarkan implan tersebut.

Pihak kerajaan patut menunaikan janji yang diberi oleh mereka kepada Orang Asli. Dengan mengakui kerumitan tugas ini, kerajaan patut menilai semula undang-undang yang sedia ada, amalan dan institusi untuk memastikan dasar-dasar dibangunkan sejajar dengan prinsip-prinsip yang terangkum dalam Deklarasi Hak-hak Asasi Orang Asli PBB (UNDRIP).<sup>75</sup> Memandangkan banyak isu yang berkenaan dengan tanah telah diturunkan kepada peringkat negeri, kerajaan pusat mesti mencari jalan untuk bekerja bersama pihak berkuasa negeri untuk memastikan pengiktirafan hak-hak tanah adat bagi Orang Asli - termasuklah menerusi pemetaan awam dan penglibatan ke atas tuntutan tanah adat Orang Asli - dan membuat penambahan ke atas usaha-usaha yang sedia ada untuk memastikan pegawai kerajaan negeri bertanggungjawab apabila mereka gagal untuk melindungi hak-hak tersebut. kerajaan patut memastikan undang-undang dan dasar-dasar yang konsisten dengan UNDRIP, meratifikasi Konvensyen Orang Asli dan Puak Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 1989 (No. 169), dan memasukkan dan mengimplementasikan

---

<sup>73</sup> Mesyuarat bersama kerajaan negeri Sarawak, 15 Ogos, 2019.

<sup>74</sup> Mesyuarat bersama kerajaan negeri Kelantan, 19 Ogos, 2019.

<sup>75</sup> Lihat, e.g., Serahan Memorandum Bersama tentang Pembentukan Semula Akta Orang Asli 1954 dan Pentadbiran dan Dasar Orang Asli, 27 Jun, 2019, <https://bit.ly/2NbjQoX>.

prinsip kebenaran bebas, terdahulu dan termaklum dalam hal ehwal tanah dan cara hidup Orang Asli. Kerajaan juga patut tanpa berlengah-lengah lagi mengesahkan satu lawatan oleh Pelapor Khas PBB bagi orang asli. Akhir sekali, dan penting sekali, kerajaan patut menerbitkan data kemiskinan dan pendapatan tanpa agregasi secara rutin tentang orang asli, agar situasi mereka tidak dipinggirkan, dan supaya pembikin polisi boleh menjana penyelesaian yang responsif kepada keperluan mereka.

### **Pekerja migran/asing**

Jangkaan bagi bilangan pekerja migran atau asing di Malaysia secara amnya berada dalam julat tiga hingga enam juta, termasuk pekerja yang didokumentasikan dan tidak didokumentasikan.<sup>76</sup> Pekerja-pekerja ini memainkan peranan yang sangat penting dalam ekonomi Malaysia, yang mempunyai tenaga buruh seramai lebih kurang 15.66 juta orang. Menurut *World Bank*, pekerja asing telah menjadi kunci utama dalam daya saing dan kejayaan ekonomi Malaysia.<sup>77</sup> Secara menyeluruhnya, mereka telah dikecualikan daripada angka rasmi bagi kemiskinan tegar, tetapi kadar kemiskinan mereka boleh dianggap lebih tinggi daripada populasi umum, dengan mengambil kira hal bahawa secara tidak ratanya mereka digaji dalam sektor buruh tanpa kemahiran dan mengalami gaji yang rendah, gaji yang dicuri, dan pengecualian daripada sokongan masyarakat.<sup>78</sup>

Malang sekali, walaupun mereka terus-menerus hadir dalam sektor tenaga buruh Malaysia, pekerja asing terperangkap dalam eksploitasi oleh pertembungan agen-agen perekrutan dan majikan yang tidak berprinsip, dasar imigresen yang keras, dan kekurangan penguatkuasaan perlindungan buruh. Ramai pekerja yang sampai di negara ini dengan menanggung beban hutang kepada agen perekrutan dan mendapati syarat pekerjaan mereka lebih teruk daripada apa yang telah dijanjikan. Menurut pelbagai laporan, mereka tertakluk kepada rampasan pasport, gaji rendah yang mencabuli undang-undang gaji minima, keadaan tempat tinggal yang teruk, hukuman denda, yuran perekrutan yang tinggi serta hutang kepada agensi perekrutan dan majikan, dan pemotongan gaji. Bilangan dan konsistensi laporan yang mendokumentasikan penderaan ke atas pekerja asing patut dianggap sebagai satu skandal.<sup>79</sup>

---

<sup>76</sup> Lihat e.g., Wei San Loh, et al., World Bank, "Malaysia: Estimating the Number of Foreign Workers," 28 Mac, 2019, m.s. 44 (2.96 hingga 3.26 juta); Lee Hwok-Aun and Khor Yu Leng, Counting Migrant Workers in Malaysia: A Needlessly Persisting Conundrum, Institut Yusof Ishak, 25 April, 2018, [https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/ISEAS\\_Perspective\\_2018\\_25@50.pdf](https://www.iseas.edu.sg/images/pdf/ISEAS_Perspective_2018_25@50.pdf) (3.85 to 5.5 million); ILO, Review of labour migration policy in Malaysia, 2016, m.s. 1 (tiga hingga empat juta).

<sup>77</sup> Jabatan Statistik Malaysia, Key Statistics of Labour Force in Malaysia, Jun 2019 <https://bit.ly/2zgOKau>; World Bank, "Immigration in Malaysia: Assessment of its Economic Effects, and a Review of the Policy and System," 2013, m.s. 168.

<sup>78</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, The State of Households 2018, 2018, m.s. 124.

<sup>79</sup> Lihat, e.g., Hannah Ellie-Petersen, "NHS rubber gloves made in Malaysian factories linked with forced labour," *The Guardian*, 9 Disember, 2018, <https://www.theguardian.com/global-development/2018/dec/09/nhs-rubber-gloves-made-in-malaysian-factories-accused-of-forcedlabour>; The Fair Labor Association, "Assessing Forced Labor Risks In The Palm Oil Sector In Indonesia And Malaysia," 2018, [https://www.fairlabor.org/sites/default/files/documents/palm\\_oil\\_report\\_fla-cgf\\_final.pdf](https://www.fairlabor.org/sites/default/files/documents/palm_oil_report_fla-cgf_final.pdf); Ahli Parlimen ASEAN bagi Hak Asasi Manusia, "Examining Human Rights in the Context of ASEAN Regional Migration, Summary Report of Findings from APHR Fact-Finding Mission to

Penguatkuasaan perlindungan buruh adalah dengan sedih sekali tidak mencukupi dan nampaknya belum bertambah pulih di bawah kerajaan baru. Dengan status sah yang terikat kepada majikan, seseorang pekerja asing menghadapi keputusan yang tidak menyenangkan: kekal dalam kerja tersebut dan terus menderita, atau berhenti dan menjadi pekerja tidak tetap tanpa sebarang bantuan, kerana, tidak seperti di banyak negara lain, pekerja tidak tetap tidak boleh mendapat akses kepada mahkamah untuk menguatkuasakan hak-hak mereka tanpa menghadapi risiko penahanan dan penghantaran pulang ke negara asal. Pegawai-pegawai rasmi mengakui pekerja-pekerja “takut” untuk melaporkan pelanggaran perlindungan gaji minima atas sebab ketakutan dihantar balik ke negara asal, dan dengan mengikut prosiding untuk menguatkuasakan hak mereka, “[t]entu sekali, kami akan menghantar orang-orang asing ini pulang ke negara asal.”<sup>80</sup> Pada tahun 2018, kerajaan telah menyiasat dan menjatuhkan hukuman ke atas jumlah kes pemerdagangan manusia berbanding tahun 2017, dan negara ini telah diturunkan kepada tahap yang lebih daripada teruk oleh Laporan Pemerdagangan Manusia Amerika Syarikat.<sup>81</sup> Pihak kerajaan telah melengah-lengahkan laporan awam dan dinanti-nantikan oleh Jawatankuasa Bebas bagi Pengurusan Pekerja Asing, dengan dakwaan bahawa Kabinet tidak memersetujui saranan Jawatankuasa tersebut.<sup>82</sup>

Golongan wanita, yang merangkumi lebih kurang 20 peratus daripada pekerja asing pada tahun 2016, terutama sekali telah disisihkan<sup>83</sup> Mereka sering digajikan sebagai pekerja domestik, dan lemah kepada eksploitasi, bukan hanya kerana mereka bekerja secara berasingan di rumah-rumah peribadi yang lali daripada pemantauan tetap, tetapi juga satu potongan dalam Akta Penggajian 1955 Malaysia bermaksud pekerja-pekerja domestik dikecualikan daripada perlindungan asas seperti hari cuti, perlindungan perubatan, atau larangan jam bekerja.<sup>85</sup> Dengan membela potongan Akta ini, pegawai-pegawai rasmi menunjukkan garis panduan sukarela, dan dengan mengejutnya,

---

Malaysia,” 2017, [https://aseanmp.org/wp-content/uploads/2017/09/APHR\\_Malaysia-Fact-Finding-Mission-Report\\_Sep-2017.pdf](https://aseanmp.org/wp-content/uploads/2017/09/APHR_Malaysia-Fact-Finding-Mission-Report_Sep-2017.pdf); Verité, “Forced Labor In The Production Of Electronic Goods In Malaysia: A Comprehensive Study of Scope and Characteristics,” 2014, [verite.org/wp-content/uploads/2016/11/VeriteForcedLaborMalaysianElectronics2014.pdf](https://www.verite.org/wp-content/uploads/2016/11/VeriteForcedLaborMalaysianElectronics2014.pdf); Amnesty International, “Malaysia: Trapped: The Exploitation Of Migrant Workers In Malaysia,” 2010, <https://www.amnesty.org/en/documents/ASA28/002/2010/en/>.

<sup>80</sup> Mesyuarat bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia, 21 Ogos, 2019.

<sup>81</sup> Jabatan Negeri, Amerika Syarikat, “2019 Trafficking in Persons Report: Malaysia,” 20 Jun, 2019, <https://www.state.gov/reports/2019trafficking-in-persons-report-2/malaysia/>; United States, Department of State, “2018 Trafficking in Persons Report: Malaysia,” 28 Jun, 2018, <https://www.state.gov/reports/2018-trafficking-in-persons-report/malaysia/>.

<sup>82</sup> “HR Ministry: No decision yet on report of Committee on Management of Foreign Workers,” Malay Mail, 14 Jun, 2019, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/06/14/hr-ministry-no-decision-yet-on-report-of-committee-on-management-offoreign/1762281>.

<sup>83</sup> Lihat e.g., Wei San Loh, et al., World Bank, “Malaysia: Estimating the Number of Foreign Workers,” 28 Mac, 2019, m.s. 20.

<sup>85</sup> S. Indramalar, “Domestic workers continue to be abused until tougher laws can protect them,” Star2, 6 April, 2018, <https://www.star2.com/family/2018/04/06/domestic-workers-will-continue-to-be-abused-until-there-are-tougher-laws-to-protect-them>.

melaporkan bahawa antara tahun 2014 dan 2018, mereka hanya telah menjalankan lima pendakwaan ke atas majikan bagi pencabulan hak-hak pekerja domestik.<sup>84</sup>

Pekerja-pekerja asing juga dikecualikan daripada pelbagai perkhidmatan sosial. Walaupun pekerja asing yang mempunyai status yang sah, secara teorinya, boleh mendapat akses kepada penjagaan kesihatan awam, mereka mesti membayar yuran “warga asing” yang jauh lebih tinggi di hospital dan pusat kesihatan awam, yang merupakan 40 kali ganda lebih tinggi daripada apa yang dibayar oleh warganegara Malaysia, dan pekerja asing tidak tetap melaporkan mereka sama sekali menjauhi hospital dan pusat kesihatan awam atas sebab pemeriksaan dokumen dan kebarangkalian penglibatan pihak berkuasa imigresen.<sup>85</sup> Pihak kerajaan telah mengesahkan kepada saya bahawa individu-individu yang tidak mempunyai dokumen sah akan ditahan dan dihantar pulang. Anak-anak pekerja asing, yang dibawa masuk merentasi sempadan dan dilahirkan di negara ini, menghadapi kewujudan yang tidak menyenangkan dan secara amnya tidak boleh didaftarkan di sekolah-sekolah awam. Menurut Projek Penahanan Sedunia, 885 orang kanak-kanak telah ditahan di pusat penahanan imigresen pada tahun 2017, daripada anggaran jumlah 47,092 orang tahanan imigresen.<sup>86</sup>

Pasangan-pasangan yang bukan warganegara juga berada dalam situasi yang tidak menentu. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dalam mendapat pekerjaan, dan bergantung sepenuhnya kepada pasangan mereka untuk mengekalkan status sah mereka dan pengendorsan untuk bekerja, dan seringkali mencapai kebergantungan penuh selama berdekad-dekad.<sup>89</sup> Saya telah bertemu pasangan-pasangan yang mengatakan kekangan kepada pekerjaan telah memaksa sesetengah daripada mereka bekerja dalam sektor-sektor bukan formal, lantas mencipta keadaan yang menyebabkan mudahnya mereka didera dan dieksploitasi, dan bahawa pasangan yang bercerai atau balu kebanyakannya diberi visa jangka pendek tanpa hak untuk bekerja.

Kerajaan Malaysia patut mengiktiraf kewujudan, peranan dan kelemahan pekerja asing dalam perangkaan dasar mereka. Hal ini melibatkan, sebagai langkah pertama, pencetusan anggaran nyata bagi bilangan populasi pekerja asing dan merangkumkan mereka dalam statistik kemiskinan. Kerajaan juga patut mempertingkatkan penguatkuasaan mereka ke atas perlindungan buruh dengan pantas, memastikan pekerja asing boleh mengukuhkan hak mereka tanpa ketakutan dihantar pulang, dan memanjangkan perlindungan pekerjaan yang standard ke atas pekerja domestik. Kerajaan juga mesti terlibat dengan negara asal pekerja asing dengan lebih substantif untuk memastikan penubuhan koridor yang selamat dan penyingkiran yuran perekrutan yang melampau. Kerajaan juga patut menilai semula pengecualian yang tidak

---

<sup>84</sup> Mesyuarat bersama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia, 21 Ogos, 2019.

<sup>85</sup> Loganathan T, Rui D, Ng C-W, Pocock NS, “Breaking down the barriers: Understanding migrant workers’ access to healthcare in Malaysia,” 2019, m.s. 3-10. Walaupun terdapat satu sistem untuk membekalkan insurans kepada pekerja asing dalam situasi-situasi yang terhad, SPIKPA, ianya mempunyai jurang yang besar.

<sup>86</sup> Global Detention Project, “Malaysia Immigration Detention,” <https://www.globaldetentionproject.org/countries/asia-pacific/malaysia>. <sup>89</sup> SUHAKAM, “Annual Report 2018,” 2019, <https://www.suhakam.org.my/pusat-media/sumber/laporan-tahunan/m.s.109>.

produktif daripada perkhidmatan awam. Keseluruhan ekonomi lebih baik jika pekerja asing, yang sah dan tidak sah, mampu untuk mendapat penjagaan kesihatan yang mampu milik tanpa ketakutan dihantar pulang, dan kerajaan patut membina di atas usaha-usaha yang sedia ada untuk mendaftarkan kanak-kanak tanpa negara dengan meluaskan akses kepada sekolah awam tanpa mengira status imigresen mereka. Akhir sekali, kerajaan patut menggunakan pakai instrumen-instrumen antarabangsa yang besar berkenaan pekerja asing, dan menarik balik ketidaksetujuannya dengan artikel 37 Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak berkenaan rampasan kebebasan.<sup>87</sup>

### Kanak-kanak

Kadar kemiskinan kanak-kanak adalah tiga kali ganda kadar kemiskinan negara,<sup>88</sup> namun pihak kerajaan nampaknya tidak mempunyai sistem sokongan yang mencukupi untuk menangani kemiskinan kanak-kanak. UNICEF telah mendapati Skim Bantuan Kewangan Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat terutama sekali adalah tidak mencukupi, dengan liputan yang semakin menurun semenjak tahun 2013 kepada hanya 69,000 orang kanak-kanak pada tahun 2019—daripada 160,000 orang di bawah garisan kemiskinan negara dan 1.8 juta orang yang akan dianggap miskin di bawah garisan kemiskinan yang lebih sesuai dari segi konteks.<sup>89</sup>

Seorang daripada lima orang kanak-kanak Malaysia di bawah umur lima tahun adalah terbantut tumbesarnya, satu penanda utama bagi malnutrisi—dan lebih tinggi daripada negara-negara yang mempunyai KDNK yang serupa.<sup>90</sup> Kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga berpendapatan rendah mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk menjadi kurang berat badan atau terbantut tumbesaran,<sup>94</sup> dan satu kajian di Kelantan mendapati kanak-kanak dalam isi rumah yang tidak mempunyai sekuriti makanan menghadapi tiga kali ganda kemungkinan terbantut.<sup>91</sup> Satu tinjauan UNICEF pada tahun 2018 ke atas rumah pangsa berpendapatan rendah di Kuala Lumpur dan Selangor mendapati 15 peratus daripada kanak-kanak di bawah umur 5 tahun adalah kurang berat badan dan 22 peratus adalah terbantut tumbesaran.<sup>92</sup>

---

<sup>87</sup> UN Treaty Collection, “Convention on the Rights of the Child,” [https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=IND&cmdtdsg\\_no=IV-11&chapter=4&clang=\\_en#EndDec](https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=IND&cmdtdsg_no=IV-11&chapter=4&clang=_en#EndDec).

<sup>88</sup> UNICEF, “Serahan daripada UNICEF Malaysia kepada Pelapor Khas PBB bagi kemiskinan tegar dan hak asasi manusia,” Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> m.s. 1.

<sup>89</sup> *Ibid.*, m.s. 2.

<sup>90</sup> World Bank, “Malaysia Economic Monitor December 2018,” <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/30996/132903.pdf?sequence=1&isAllowed=y> m.s. 11.

<sup>94</sup> UNICEF, “Serahan daripada UNICEF Malaysia Pelapor Khas PBB bagi kemiskinan tegar dan hak asasi manusia,” Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> m.s. 2.

<sup>91</sup> World Bank, “Malaysia Economic Monitor Disember 2018,” <https://openknowledge.worldbank.org/bitstream/handle/10986/30996/132903.pdf?sequence=1&isAllowed=y> m.s. 60.

<sup>92</sup> UNICEF, “Children Without,” February 2018, <https://www.unicef.org/malaysia/reports/children-without>, m.s. 37, 52.

Tenaga buruh kanak-kanak juga adalah satu masalah di Malaysia, termasuk di ladang kelapa sawit di mana sistem kuota telah mendesak keluarga untuk membawa anak-anak mereka bekerja sebagai tenaga buruh tidak berbayar.<sup>93</sup> Dan Malaysia telah mendaftarkan lebih kurang 15,000 perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak dalam dekad sebelum ini, dengan kanak-kanak perempuan beragama Islam dibenarkan untuk berkahwin sebelum mencapai umur 16 tahun dengan kebenaran hakim mahkamah Syariah.<sup>94</sup> Kemiskinan ialah satu pemandu yang diiktiraf ramai bagi perkahwinan kanak-kanak yang digunakan sebagai mekanisme bagi keluarga miskin di Malaysia, dan sebaliknya mempunyai implikasi yang teruk, termasuk risiko masalah kesihatan dan kehilangan pendidikan yang tinggi.<sup>95</sup>

## Gender

Golongan wanita di Malaysia memikul beban kerja rumah yang tidak rata, mempunyai kadar yang sangat rendah dalam penglibatan tenaga kerja, terperangkap dalam kerja-kerja bertahap rendah, dan dibayar gaji yang lebih rendah berbanding golongan lelaki.<sup>96</sup> Menjelang tahun 2017, populasi umur bekerja di Malaysia terdiri daripada 9.5 juta wanita dan 9.8 juta lelaki, tetapi hanya 53.5 peratus wanita mengambil bahagian dalam tenaga kerja berbanding 77.7 peratus lelaki.<sup>97</sup> Institut Penyelidikan Khazanah menganggarkan bahawa dengan meningkatkan tahap pekerjaan wanita sebanyak 30 peratus akan menaikkan KDNK sebanyak 7-12 peratus.<sup>98</sup>

Menjelang tahun 2018, wanita terdiri daripada 22.2 peratus penggubal undang-undang, pegawai kanan, dan pengurus—dan mewakili hanya 11 peratus kerusi parlimen yang diundi dan 8.6 peratus jawatan kementerian.<sup>99</sup> Jurang gaji gender adalah 6.2 peratus pada tahun 2017, dan walaupun wanita merupakan jumlah besar graduan, mereka dibayar 23.3 peratus lebih rendah berbanding lelaki yang memegang jawatan yang sama.<sup>100</sup>

---

<sup>93</sup> Stiftung Asienhaus, "Workers in the Palm Oil Industry," Mac 2016, [https://www.asienhaus.de/archiv/user\\_upload/Palm\\_Oil\\_Workers\\_-\\_Exploitation\\_Resistance\\_and\\_Transnational\\_Solidarity.pdf](https://www.asienhaus.de/archiv/user_upload/Palm_Oil_Workers_-_Exploitation_Resistance_and_Transnational_Solidarity.pdf) m.s. 4.

<sup>94</sup> SUHAKAM, "Annual Report 2018," 2019, <https://www.suhakam.org.my/pusat-media/sumber/laporan-tahunan/> m.s. 103. <sup>95</sup> UNICEF, "Serahan daripada UNICEF Malaysia kepada Pelapor Khas PBB bagi kemiskinan tegar dan hak asasi manusia," Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> m.s. 2.

<sup>96</sup> UNDP, "Malaysia Human Development Report 2013," 2014, <http://hdr.undp.org/en/content/malaysia-human-development-report-2013> m.s. xviii.

<sup>97</sup> Institut Penyelidikan Khazanah, "The State of Households 2018," Oktober 2018, [http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport\\_KRI\\_SOH\\_2018.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport_KRI_SOH_2018.pdf) m.s. 77. Menurut pihak kerajaan, hal ini telah meningkat kepada 55.2 peratus setakat Disember 2018.

<sup>98</sup> Ibid, m.s. 3.

<sup>99</sup> Jabatan Statistik Malaysia, "Statistics on Women Empowerment in Selected Domains, Malaysia, 2018," [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=444&bul\\_id=SGMzVDh0cVUwK0t6SGN6UzhwN1dmdz09&me\\_nu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=444&bul_id=SGMzVDh0cVUwK0t6SGN6UzhwN1dmdz09&me_nu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09).

<sup>100</sup> Jabatan Statistik Malaysia, "Household Income and Basic Amenities Survey Report 2016," October 2017, m.s. 108-110.

Satu organisasi hak wanita yang telah saya temui memberitahu saya bahawa terdapat alternatif tempat perlindungan yang tidak memadai dan tiada bantuan kewangan atau perumahan yang jelas bagi golongan yang telah diselamatkan daripada penderaan domestik, jadi kebanyakan wanita ini, bersama anak-anak mereka, akhirnya terpaksa kembali kepada situasi penderaan kerana satu-satunya pilihan lain yang mereka miliki ialah gelandangan. Mereka mengatakan pengguna tempat perlindungan krisis tidak boleh mendapatkan perceraian atas sebab kos perundangan, dan kerana prosiding tanpa seorang peguam akan memerlukan mereka menjalani proses perdamaian yang mandatori bersama pendera mereka.

Golongan LGBTIQI seringkali terlebih diwakili dalam kalangan golongan miskin sebagai hasil stigma dan diskriminasi yang berterusan. Kajian di Selangor dan Kuala Lumpur menunjukkan golongan transgender menghadapi cabaran besar dalam mendapat akses kepada perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan, dan mengalami diskriminasi pekerjaan yang boleh menyebabkan implikasi sosio ekonomi jangka panjang.<sup>100</sup>

### **Pelarian**

Malaysia meletakkan golongan pelarian dalam keadaan yang sangat tidak menentu dan memastikan mereka terkandas dalam kancas kemiskinan. UNHCR mendaftar pelarian-pelarian, tapi tidak memberikan mereka status yang sah di negara ini, dan selalunya, pelarian-pelarian ini tidak dapat bekerja, membuat perjalanan, atau dimasukkan ke sekolah-sekolah kerajaan.<sup>101</sup> Oleh itu, mereka seringkali terpaksa menggunakan sektor tidak formal untuk pekerjaan dan pendidikan.<sup>102</sup> Menurut UNHCR, hanya 40 peratus daripada 33,204 orang pelarian berumur sekolah dan pencari asilum yang didaftarkan di pusat pembelajaran tidak formal, di mana mereka tidak menerima sebarang sijil. Anak-anak pelarian ini memiliki peluang yang sangat tipis untuk menerima pendidikan di sekolah menengah dan hanya sebilangan pelarian sahaja yang dapat memasuki universiti. Kekurangan status atau kebenaran bekerja menyebabkan pelarian-pelarian mempunyai risiko tinggi untuk ditangkap, dan menurut UNHCR, 3539 orang yang berisiko telah ditangkap pada tahun 2018, dan 103 orang kanak-kanak telah ditahan antara bulan Januari hingga Jun 2019.<sup>103</sup>

Penyekatan ke atas pelarian-pelarian ini daripada bekerja dan pendidikan awam telah mencetuskan kesukaran yang sangat besar pada keluarga-keluarga yang sepatutnya berada di bawah lindungan Malaysia, dan telah meragut negara ini daripada sumbangan ekonomi mereka. Seorang pelarian memberitahu saya, “Saya mempunyai ijazah sarjana muda dalam kejuruteraan

---

<sup>100</sup> SUHAKAM, “Annual Report 2018,” 2019, <https://www.suhakam.org.my/pusat-media/sumber/laporan-tahunan/> m.s. 137.

<sup>101</sup> Human Rights Watch, “Malaysia: Events of 2018,” <https://www.hrw.org/world-report/2019/country-chapters/malaysia>.

<sup>102</sup> UNHCR, “Education in Malaysia,” [www.unhcr.org/education-in-malaysia.html](http://www.unhcr.org/education-in-malaysia.html); emel daripada UNHCR kepada Pelapor Khas PBB tentang kemiskinan tegar dan hak asasi manusia.

<sup>103</sup> Emel daripada UNHCR kepada Pelapor Khas PBB bagi kemiskinan tegar dan hak asasi manusia.

dan kini saya berkerja selama 14 jam sehari di sebuah restoran.” Seorang pegawai kerajaan menyoal bagaimana pelarian-pelarian ini boleh menanggung diri mereka dalam keadaan sebegini, dan saya bersemangat apabila mendengar kerajaan sedang membuat pertimbangan untuk membenarkan pelarian untuk berkerja di sektor tertentu. Seorang penasihat terkenal berhujah bahawa dengan memberikan pelarian kebenaran untuk berkerja akan menghasilkan impak yang positif pada ekonomi dan kewangan awam, dengan meningkatkan sumbangan mereka terhadap KDNK kepada lebih daripada RM3 bilion (\$700 juta) dalam jangka masa lima tahun, mencipta 4,000 kerja baru untuk rakyat Malaysia, dan membawa masuk RM50 (\$12) juta dalam cukai setiap tahun pada tahun 2024. Pemberian pendidikan yang setaraf dengan rakyat Malaysia kepada pelarian akan meningkatkan sumbangan mereka terhadap KDNK kepada RM6.5 bilion (\$1.5 bilion) pada tahun 2024 dengan pendapatan cukai tahunan sebanyak RM 250 juta (\$60 juta).<sup>104</sup>

### Orang Tanpa Kerakyatan

Kerajaan Malaysia menyatakan yang mereka tidak mengutip maklumat tentang warga tanpa kerakyatan dan tidak ada statistik yang boleh dipercayai tentang jumlah orang tanpa kerakyatan di Malaysia. Secara amnya, mereka tidak berupaya untuk mendapat penjagaan kesihatan, pendidikan dan kerja formal.<sup>105</sup> Pengecualian keluarga yang tidak mempunyai dokumen dan tanpa kerakyatan daripada perkhidmatan sosial yang menyeluruh telah meletakkan mereka dalam risiko yang tinggi untuk mengalami kemiskinan, sementara ketiadaan mereka dalam set data rasmi menyebabkan tahap kelemahan mereka hampir mustahil untuk dinilai.<sup>106</sup>

Malaysia menjadikan perolehan kewarganegaraan sangat sukar untuk ramai orang dalam apa sahaja situasi yang luar biasa, termasuk kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu bapa warga Malaysia. Seorang kanak-kanak mesti mempunyai ibu bapa dengan Kad Pengenalan Malaysia untuk mengesahkan kewarganegaraanya.<sup>107</sup> Tanpa sijil kahwin yang sah, ibu bapa sering enggan untuk mendaftarkan kelahiran anak mereka, lantas menghasilkan halangan untuk mendapatkan kewarganegaraan. Ia boleh menjadi sesuatu yang sukar untuk ibu bapa untuk memindahkan kewarganegaraan kepada seorang anak angkat jika sijil kelahiran Malaysia tidak boleh didapati.<sup>108</sup>

---

<sup>104</sup> Laurence Todd, Adli Amirullah, and Wan Ya Shin, “The Economic Impact of Granting Refugees in Malaysia the Right to Work,” IDEAS, April 2019, [http://www.ideas.org.my/wp-content/uploads/2019/05/P60\\_Refugee-V6.pdf](http://www.ideas.org.my/wp-content/uploads/2019/05/P60_Refugee-V6.pdf) m.s. 3.

<sup>105</sup> UNHCR, “Ending Statelessness in Malaysia,” <https://www.unhcr.org/ending-statelessness-in-malaysia.html>.

<sup>106</sup> UNICEF, “Submission by UNICEF Malaysia to the UN Special Rapporteur on Extreme Poverty Human Rights,” Jun 2019, <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/VisitsContributions/Malaysia/UNICEF.pdf> p. 1.

<sup>107</sup> Anthea Mulakala, “Sabah’s Stateless Children,” The Asia Foundation, 8 Disember, 2010, <https://asiafoundation.org/2010/12/08/sabahs-stateless-children/>.

<sup>108</sup> Serahan sulit kepada Pelapor Khas PBB bagi kemiskinan dan hak asasi manusia.



Ini memberikan kesan yang sangat besar kepada seumur hidup kanak-kanak itu dari segi keupayaan mendapat kerja, pendidikan, penjagaan kesihatan dan sokongan sosial. Kerajaan memperkenalkan sebuah polisi pada 2009, dan diulangi semula pada tahun 2018, untuk membenarkan kanak-kanak tanpa dokumen yang mempunyai ibu bapa warganegara Malaysia untuk memasuki sekolah-sekolah awam, tapi ia melibatkan keperluan dan yuran tambahan yang sukar untuk direbut kesempatan. Menurut UNHCR hanya 2,635 orang kanak-kanak yang telah mendapat manfaat daripada dasar ini pada tahun 2019.

### **Orang Kurang Upaya**

Orang Kurang Upaya di Malaysia menghadapi diskriminasi dan rintangan yang menghalang mereka daripada melibatkan diri dalam masyarakat pada tahap yang sama dengan mereka yang lain. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, ada sebanyak 537,000 orang kurang upaya yang didaftarkan sehingga tahun 2019, atau hanya 1.6 peratus daripada populasi di negara ini. Pihak Kementerian dengan kurang yakin mengaitkan kadar pendaftaran yang rendah ini dengan individu-individu yang “menafikan” kekurangan upaya mereka, dan bukan usaha jangkauan atau pendaftaran yang tidak mencukupi yang dilakukan oleh kerajaan. Menurut SUHAKAM, kebanyakan orang kurang upaya tidak mempunyai pendapatan tetap untuk memenuhi keperluan harian mereka, dan pertubuhan kurang upaya yang saya sudah temui menyatakan yang orang kurang upaya hanya menerima RM 400 (\$95) sebulan jika mereka berkerja, atau RM 300 (\$71) sebulan jika mereka ‘terlantar sakit’. Jumlah sebegini secara jelas tidak mencukupi. Penglibatan tenaga kerja di antara orang kurang upaya adalah rendah, dengan kira-kira sebanyak 4,500 orang pekerja dalam sektor awam dan swasta pada tahun 2018, terutamanya disebabkan oleh kekurangan persekitaran yang boleh diakses di tempat kerja dan tanggapan negatif oleh majikan terhadap orang kurang upaya.<sup>109</sup> Dan ramai majikan di Malaysia telah gagal untuk memastikan tempat kerja mereka boleh diakses.<sup>110</sup>

### **Orang tua**

Terdapat kebimbangan yang sebenar tentang sama ada skim pencen yang sedia ada boleh melindungi orang ramai daripada kemiskinan dengan secukupnya apabila mereka meningkat tua, dan saya sangat bimbang terutamanya bagi mereka yang berada di luar tenaga kerja formal dan tidak mendapat faedah daripada mana-mana skim ini. Sehingga tahun 2013, hampir 70 peratus daripada mereka yang berumur 54 tahun mempunyai kurang daripada RM 50,000 (\$12,000) dalam simpanan mereka.<sup>111</sup> Tujuh puluh peratus daripada ahli-ahli yang mengeluarkan Kumpulan Wang Simpanan Kerja mereka pada umur 55 tahun dilaporkan telah menggunakan simpanan

---

<sup>109</sup> Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, “Mid-term review of the Eleventh Malaysia Plan 2016-2020,” Oktober 2018, <https://www.mea.gov.my/en/tmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020> m.s. 77.

<sup>110</sup> SUHAKAM, “Annual Report 2018,” 2019, <https://www.suhakam.org.my/pusat-media/sumber/laporan-tahunan/> p. 133.

<sup>111</sup> UNDP, “Malaysia Human Development Report 2013,” 2014, <http://hdr.undp.org/en/content/malaysia-human-development-report-2013> m.s. 50.

mereka kurang daripada satu dekad selepas bersara.<sup>112</sup>And according to UNFPA, the current monthly RM 300 (\$72.40) assistance provided to older people in poverty is not sufficient to fulfil their basic needs.

## 8. Perubahan Iklim

Perubahan iklim secara amnya diabaikan oleh pegawai-pegawai yang saya telah jumpa. Akibatnya untuk Malaysia pada dekad yang akan datang dan seterusnya akan menjadi dramatik, dan kesan yang paling teruk adalah pada mereka yang sudah hidup dalam kemiskinan.<sup>113</sup> Perubahan iklim mengancam untuk membatalkan pembangunan kemajuan Malaysia selama beberapa dekad, terutamanya untuk isi rumah orang miskin yang bergantung pada pertanian yang mungkin stuck in what the UN Economic and Social Commission for Asia and the Pacific calls a “vicious cycle of poverty, inequality and disasters.”<sup>114</sup>

Ia adalah satu perkara yang membimbangkan apabila pegawai-pegawai di peringkat negeri, yang bertanggungjawab dalam pengurusan tanah dan sumber asli, dan pegawai-pegawai di peringkat persekutuan yang mengendalikan perlindungan sosial, pembangunan luar bandar, dan kumpulan-kumpulan terdedah, tidak memberikan sebarang tumpuan pada risiko-risiko yang dihadapi oleh orang miskin yang akan terutamanya terjejas oleh perubahan iklim. Dan saya juga tidak menerima sebarang bukti yang mereka memasukkan isu perubahan iklim dalam dasar-dasar perlindungan kemiskinan dan sosial.

Perancangan ekonomi kini nampaknya bersungguh-sungguh diteruskan seolah-olah perubahan iklim ini adalah satu hal ehwal pendidikan komuniti, dan tidak melakukan perubahan mendalam pada dasar-dasar rasmi. Pada tahun 2019, petroleum menyumbang 30.9 peratus daripada pendapatan fiskal Malaysia, dan negara ini melaporkan menyumbang sebanyak 28 peratus daripada penghasilan minyak kelapa sawit sedunia.<sup>115</sup> Ekonomi dan pendapatan fiskal Malaysia dianggarkan akan terjejas dengan sebarang komitmen sedunia yang bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon dan penebangan hutan, dengan kemungkinan implikasi yang teruk pada perbelanjaan awam.

---

<sup>112</sup> Jomo KS, “Most Malaysians cannot afford to retire,” *The Star*, Oktober 25, 2017, <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/10/25/most-malaysians-cannot-afford-to-retire/>.

<sup>113</sup> UN Special Rapporteur on extreme poverty and human rights, “Climate Change and Poverty,” 25 Jun, 2019, [https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/A\\_HRC\\_41\\_39.pdf](https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Poverty/A_HRC_41_39.pdf).

<sup>114</sup> UN ESCAP, “The Disaster Riskscape Across Asia-Pacific,” 2019, [https://reliefweb.int/sites/reliefweb.int/files/resources/Asia-Pacific%20Disaster%20Report%202019\\_full%20version.pdf](https://reliefweb.int/sites/reliefweb.int/files/resources/Asia-Pacific%20Disaster%20Report%202019_full%20version.pdf) p. v.

<sup>115</sup> Kementerian Kewangan Malaysia, “2019 Federal Government Revenue,” November 2, 2018, [https://www.treasury.gov.my/pdf/budget/budget\\_info/2019/revenue/section2.pdf](https://www.treasury.gov.my/pdf/budget/budget_info/2019/revenue/section2.pdf); Malaysian Palm Oil Council, “Malaysian Palm Oil Industry,” [mpoc.org.my/malaysian-palm-oil-industry/](http://mpoc.org.my/malaysian-palm-oil-industry/).

Akta Perubahan Iklim yang dicadangkan dan rancangan penyesuaian dan pengurangan negara, dijangka pada hujung tahun 2011/9, mesti menangani hak-hak orang yang hidup dalam kemiskinan, memandangkan kerentanan mereka yang melampau. Kerajaan juga harus memastikan kepakaran dan kuasa yang mencukupi dibawa masuk untuk menanggung isu-isu besar seperti pengurangan pelepasan pantas dan pelestarian fiskal, kemungkinan besar menerusi pertubuhan agensi perubahan iklim yang boleh mencadangkan dasar-dasar jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang khusus untuk pertimbangan mereka.

## 9. Cadangan-cadangan Utama

Sebagai tambahan kepada cadangan-cadangan yang lebih terperinci di atas, senarai berikut merumuskan semula sebahagian daripada langkah-langkah penting yang perlu dipertimbangkan.

Garis kemiskinan yang bermakna, selaras dengan piawaian antarabangsa, mestilah diterima dengan segera.

Dasar-dasar dalam sektor-sektor utama mestilah secara khusus menangani keperluan mereka yang berada di 15-20 peratus terbawah bagi agihan pendapatan.

Kerajaan harus mengguna pakai dasar ketelusan maklumat yang menyeluruh.

Pembelanjaan keseluruhan pada perlindungan sosial perlu dikembangkan secara ketara.

Program perlindungan sosial yang sedia ada yang tersebar di kebanyakan kementerian diuruskan dengan tidak teratur, disimpan dengan ketat dan sering tidak berkesan. Ini sepatutnya digantikan dengan Lindungan Perlindungan Sosial yang mencerminkan pendekatan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Kualiti pendidikan sangat perlu dibaiki.

Orang-orang Asli mempunyai kadar kemiskinan menyeluruh yang tertinggi di Malaysia, dan amat memerlukan perlindungan yang lebih baik terhadap hak tanah adat mereka dan akses yang lebih berkesan kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti. Pelaksanaan set dasar-dasar baru yang menyeluruh diperlukan.

Pekerja-pekerja asing, terutamanya, tapi bukan sahaja mereka yang tidak mempunyai dokumen, sering menjadi sasaran kepada pelanggaran serius hak-hak buruh dan hak-hak mereka yang lain. Terdapat keperluan untuk dasar-dasar baru yang menyeluruh yang mengiktiraf sejauh mana kebergantungan pada tenaga kerja asing dan mengawal persekitaran kerja dengan lebih berkesan, memastikan gaji minimum yang sebenar, dan memperlakukakan pekerja dan tanggungan mereka dengan penuh perikemanusiaan.

Dasar-dasar pelarian yang sedia ada bertujuan untuk menghukum dan tidak berperikemanusiaan dan tidak produktif untuk ekonomi. Pelarian dan pencari asilum mestilah dibenarkan untuk berkerja, anak-anak mereka dimasukkan ke sekolah-sekolah awam dan mereka seharusnya layak untuk menerima penjagaan kesihatan awam.

Tahap warga tanpa kerakyatan dan akibat-akibat buruk terhadap mereka yang terjejas, juga pada ekonomi Malaysia, mestilah diakui. Kerajaan harus menghasilkan taksiran warga tanpa kerakyatan yang muktamad, mengenal pasti penggerak tanpa kerakyatan, dan meneruskan pendekatan yang lebih bersepadu untuk memudahkan dan bukan menghalang mereka yang layak untuk mendapat Kad Pengenalan Malaysia mestilah dilancarkan.

Kajian menyeluruh mestilah dijalankan pada bilangan dan situasi orang-orang kurang upaya di Malaysia. Statistik rasmi yang sedia ada memperkecilkan masalah ini secara mendadak dan dasar-dasar sedia ada adalah sangat tidak mencukupi.

Kerajaan perlu memastikan kemelut perubahan iklim dan kesannya pada kemiskinan, ketidaksamarataan, dan hak-hak manusia mestilah diberi keutamaan dengan segera dalam pemutusan dasarnya, termasuk dalam hal ehwal perlindungan sosial, pengurangan kemiskinan dan perancangan fiskal.